

## Cabaran Pelaksanaan Kaunseling Islam Terhadap Asnaf Fakir Miskin : Kajian Kes

### *Challenges In The Implementation Of Islamic Counseling For The Poor And Needy (Asnaf): A Case Study*

Nur Amalina Binti Nordin<sup>1</sup>, Nazneen Binti Ismail<sup>2</sup>, Safinah Binti Ismail<sup>3</sup>  
<sup>1,2,3</sup> Universiti Islam Selangor (UIS)

Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Malaysia

<sup>1</sup> amalinanordin@uis.edu.my, <sup>2</sup> nazneen@uis.edu.my, <sup>3</sup> safinah@uis.edu.my

#### ABSTRAK

Kajian ini berpusat kepada isu dan cabaran yang timbul dalam pelaksanaan kaunseling Islam terhadap golongan asnaf fakir miskin oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Kaunseling Islam dilihat sebagai satu pendekatan penting dalam membangunkan potensi spiritual, emosi dan sosial asnaf. Namun begitu, pelaksanaannya berdepan pelbagai kekangan sama ada daripada pihak asnaf sendiri mahupun kaunselor yang mengendalikan sesi tersebut. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk meneroka cabaran pelaksanaan kaunseling Islam terhadap asnaf fakir miskin di MAINS. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes, dan analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik. Data dikumpul melalui temu bual mendalam yang melibatkan empat orang kaunselor MAINS yang terlibat secara langsung dalam pengendalian sesi kaunseling bersama asnaf fakir miskin. Dapatan menunjukkan bahawa cabaran berkaitan asnaf merangkumi tahap pengetahuan agama dan spiritual yang rendah, masalah komitmen kehadiran, persepsi negatif terhadap perkhidmatan kaunseling, serta pelbagai isu keluarga dan sosial. Sementara itu, cabaran dari sudut kaunselor pula melibatkan kekurangan tenaga kaunselor, keterbatasan ilmu pengetahuan Islam, kesukaran menilai keberkesanan klien, bebanan emosi, dan kekurangan latihan khusus. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan pelaksanaan kaunseling Islam memerlukan sokongan sistematik, penambahbaikan modul, serta latihan berterusan bagi memperkukuh kompetensi kaunselor dan meningkatkan keberhasilan pembangunan asnaf.

*Kata kunci: Kaunseling Islam, Asnaf Fakir Miskin, Cabaran Kaunselor, MAINS, Pembangunan Asnaf*

#### ABSTRACT

*This study focuses on the issues and challenges encountered in the implementation of Islamic counselling for the asnaf fakir miskin group under the Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Islamic counselling is viewed as an essential approach in developing the spiritual, emotional, and social potential of asnaf clients. However, its implementation faces various constraints, both from the asnaf themselves and from the counsellors who conduct the sessions. Therefore, the main objective of this study is to explore the challenges in implementing Islamic counselling for the asnaf fakir miskin at MAINS. This study employed a qualitative case study design, and the data were analysed using thematic analysis. The data were collected through in-depth interviews involving four counsellors from MAINS who were directly engaged in counselling sessions with the asnaf fakir miskin. The findings reveal that challenges related to asnaf include a low level of religious and spiritual knowledge, inconsistent attendance, negative perceptions toward counselling services, and various family and social issues. Meanwhile, challenges from the counsellors' perspective involve a shortage of manpower, limited knowledge of Islamic principles, difficulties in evaluating client outcomes, emotional burden, and*

*insufficient specialised training. The implications of this study suggest that the effectiveness of Islamic counselling implementation requires systematic institutional support, module enhancement, and continuous training to strengthen counsellors' competencies and improve the developmental outcomes of asnaf clients.*

*Keywords: Islamic Counseling, Poor and Needy Asnaf, Counselor Challenges, MAINS, Asnaf Development*

## PENGENALAN

Kaunseling Islam merupakan salah satu pendekatan bimbingan yang menekankan keseimbangan antara aspek rohani, emosi, intelek dan sosial selaras dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Ia bukan sekadar proses menyelesaikan masalah semasa, malah berperanan membentuk sahsiah dan spiritual individu agar lebih dekat dengan Allah SWT. Dalam konteks masyarakat Muslim, kaunseling Islam mempunyai nilai tambah berbanding kaunseling konvensional kerana ia menitikberatkan dimensi iman, ibadah dan akhlak sebagai asas perubahan diri (Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail & Noor Shakirah Mat Akhir, 2012; Othman, 2019). Peranan ini amat penting khususnya apabila berhadapan dengan kelompok masyarakat yang berdepan tekanan hidup dan kerencaman masalah sosial seperti golongan asnaf fakir miskin.

Asnaf fakir menurut definisi Lembaga Zakat Selangor ialah orang Islam yang tidak mempunyai harta atau sumber pendapatan yang tidak mencapai 50% keperluan diri dan tanggungan, manakala asnaf miskin ialah orang Islam yang mempunyai harta atau pendapatan halal yang menampung sekitar 50% keperluan, tetapi masih tidak mencukupi had kifayah (LZS, 2023). Meskipun bantuan kewangan dan material diberikan secara berterusan, permasalahan sosial, kerohanian dan psikologi masih berlarutan dalam kalangan mereka (Md Yusof, Rahman, & Mohd Noor, 2019; Wahid, Ahmad, & Nor, 2004; Rahman, 2023). Keadaan ini menuntut kepada satu bentuk bimbingan yang lebih menyeluruh bukan sahaja berorientasikan kebajikan material, tetapi juga pemulihan spiritual dan emosi melalui pendekatan kaunseling Islam yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Namun begitu, pelaksanaan kaunseling Islam terhadap golongan asnaf bukanlah suatu tugas yang mudah. Dalam konteks lapangan, kaunselor berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kekangan masa, bilangan klien yang ramai, kesediaan spiritual asnaf yang rendah, serta persepsi negatif terhadap perkhidmatan kaunseling. Cabaran ini sering menyebabkan matlamat sebenar kaunseling Islam iaitu membimbing perubahan berasaskan tazkiyah al-nafs dan pembangunan spiritual sukar dicapai secara optimum. Situasi ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana keberkesanan pelaksanaan kaunseling Islam benar-benar mampu membantu asnaf fakir miskin mencapai kesejahteraan holistik.

Dari sudut akademik, kajian lepas banyak memberi tumpuan kepada aspek teori, konsep dan keberkesanan kaunseling Islam terhadap klien umum (seperti Nooraini Othman, 2019; Abas et al., 2020; Karim, Zulkepli & Abd Hamid, 2024). Namun, masih terdapat jurang kajian dalam memahami realiti pelaksanaan dan cabaran sebenar yang dihadapi oleh kaunselor yang membimbing asnaf fakir miskin di institusi zakat negeri. Jurang ini membawa kepada keperluan mendesak untuk menjalankan satu kajian lapangan yang meneroka pengalaman, pandangan dan strategi kaunselor Islam dalam menghadapi kekangan tersebut.

Kajian ini juga mempunyai kepentingan praktikal terhadap pembuat dasar (policy making) MAINS, khususnya dalam menilai semula keberkesanan pelaksanaan kaunseling Islam yang sedia ada. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pihak MAINS menggubal dasar latihan yang lebih berfokus, memperkukuh modul bimbingan spiritual berasaskan prinsip Islam, serta menambah baik pelaksanaan program pembangunan asnaf secara lebih holistik dan berimpak tinggi. Oleh yang demikian, jurang pengetahuan yang wujud dalam kajian lepas menjadi asas utama kepada pelaksanaan kajian ini, yang bertujuan meneroka cabaran pelaksanaan kaunseling Islam terhadap asnaf fakir miskin dari perspektif kaunselor yang terlibat secara langsung di bawah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

## SOROTAN KAJIAN

Kaunseling Islam merupakan proses bimbingan berlandaskan wahyu Allah SWT yang menekankan aspek akidah, syariah dan akhlak (Shertzer & Stone, 2020; Hamjah, 2010). Kaunseling ini bukan sahaja menumpukan kepada penyelesaian masalah psikologi, tetapi turut memberi penekanan kepada penyucian jiwa (tazkiyah al-nafs), pembangunan spiritual dan keseimbangan emosi klien (Al-Ghazali, 2005). Pendekatan ini amat relevan untuk golongan asnaf fakir miskin kerana cabaran yang mereka hadapi bukan sekadar bersifat material, tetapi juga melibatkan dimensi spiritual, sosial dan emosi.

### 1 Isu Asnaf

Kajian lepas menunjukkan bahawa asnaf fakir miskin sering berdepan kekangan pendidikan serta kekurangan pengetahuan agama, menyebabkan mereka sukar memahami bimbingan yang diberikan dalam sesi kaunseling (Ibrahim, 2018). Menurut Rahman (2021), tahap literasi agama yang rendah dalam kalangan asnaf boleh menimbulkan salah faham terhadap ajaran Islam, malah sebahagiannya berdepan masalah berkaitan akidah dan akhlak.

Selain itu, komitmen asnaf untuk menghadiri sesi kaunseling juga sering rendah kerana mereka lebih menumpukan kepada keperluan asas harian seperti pekerjaan, makanan dan tempat tinggal (Lembaga Zakat Selangor [LZS], 2023). Kekangan ini menjadikan usaha membimbing mereka ke arah perubahan spiritual dan emosi yang berterusan agak mencabar.

### 2. Persepsi terhadap Kaunseling

Satu lagi isu utama ialah persepsi negatif asnaf terhadap perkhidmatan kaunseling Islam. Menurut Yaacob (2017), ramai dalam kalangan mereka menganggap kaunseling sekadar sesi nasihat atau ceramah biasa, bukan satu proses terapeutik yang boleh membantu perubahan diri. Persepsi sebegini menyebabkan asnaf kurang terbuka untuk berkongsi masalah sebenar dan tidak memberikan komitmen penuh terhadap sesi yang dijalankan.

Selain itu, masalah keluarga yang kompleks seperti konflik rumah tangga, penceraian, penyalahgunaan dadah dan penderaan turut membataskan keberkesanan intervensi kaunseling (Aziz & Hamjah, 2019). Isu-isu ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kaunseling Islam bagi asnaf perlu mempertimbangkan faktor sosioemosi dan latar belakang hidup mereka yang berbeza.

### 3. Cabaran Kaunselor

Dari perspektif kaunselor, pelaksanaan kaunseling Islam terhadap asnaf turut berdepan pelbagai cabaran. Kajian oleh Hamjah (2012) mendapati bahawa kekurangan tenaga kaunselor menyebabkan beban kerja menjadi tinggi, terutamanya di institusi zakat negeri yang menanggung jumlah klien yang ramai. Tambahan pula, tidak semua kaunselor mempunyai latar belakang pendidikan Islam yang kukuh, sekali gus menghadkan keupayaan mereka menggunakan pendekatan berasaskan syariah secara berkesan (Salleh & Abdullah, 2020).

Menurut Zakaria (2018), proses menilai keberkesanan perubahan klien turut menjadi cabaran utama kerana transformasi spiritual memerlukan tempoh masa yang panjang dan sukar diukur secara kuantitatif. Roslan dan Ismail (2021) pula menegaskan bahawa bebanan emosi, keletihan kerja (*burnout*), serta kekurangan latihan khusus dalam kaunseling Islam turut menjejaskan keberkesanan perkhidmatan.

### 4 Implikasi Terhadap Keberkesanan Kaunseling Islam

Kesemua isu dan cabaran ini memberi implikasi terhadap tahap keberkesanan pelaksanaan kaunseling Islam. Menurut Azizah (2020), keberkesanan kaunseling Islam dapat diukur melalui perubahan tingkah laku, kefahaman agama, dan peningkatan spiritual klien. Namun demikian, sekiranya asnaf

kurang komited, mempunyai persepsi yang salah, atau kaunselor kekurangan kompetensi, maka keberkesanan tersebut akan menjadi terbatas.

Oleh itu, usaha memperkukuh pelaksanaan kaunseling Islam memerlukan pendekatan dua hala: pertama, memperkasakan latihan dan kompetensi kaunselor, dan kedua, meningkatkan kesedaran serta penerimaan asnaf terhadap kaunseling. Langkah ini penting bagi memastikan pelaksanaan kaunseling Islam benar-benar berfungsi sebagai medium pembangunan spiritual dan sosial dalam kalangan asnaf fakir miskin.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi meneliti cabaran dalam pelaksanaan kaunseling Islam terhadap golongan asnaf fakir miskin daripada perspektif kaunselor Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami secara mendalam pengalaman sebenar yang mempengaruhi amalan kaunseling Islam dalam konteks institusi zakat. Menurut Creswell (2023) dan Yin (2018), pendekatan kualitatif amat sesuai digunakan apabila penyelidikan bertujuan meneroka isu yang kompleks dan memerlukan huraian kontekstual yang menyeluruh.

Pemilihan MAINS sebagai lokasi kajian dibuat secara sengaja kerana institusi ini memainkan peranan penting dalam sistem zakat negeri, khususnya melalui Bahagian Agihan Zakat yang mengendalikan pelbagai program pembangunan sosial dan spiritual untuk golongan asnaf. Selain itu, MAINS mempunyai Unit Kaunseling yang berfungsi secara khusus dan tersusun di bawah Bahagian Agihan Zakat, menjadikannya medan yang relevan untuk memahami realiti pelaksanaan kaunseling Islam terhadap asnaf dari sudut operasional dan institusional.

Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini bagi memastikan maklumat yang diperoleh benar-benar berkaitan dengan objektif penyelidikan (Creswell, 2023; Merriam & Tisdell, 2022; Braun & Clarke, 2021). Peserta dipilih berdasarkan beberapa kriteria, iaitu pegawai kaunselor yang berkhidmat di bawah MAINS, terlibat secara langsung dalam pengendalian kes asnaf fakir miskin, serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua tahun dalam bidang kaunseling. Seramai empat orang kaunselor (K1–K4) dipilih sebagai informan utama. Saiz sampel ini dianggap mencukupi bagi kajian kualitatif yang menekankan konsep ketepuan data (*data saturation*), iaitu keadaan apabila maklumat yang diperoleh menunjukkan pola yang berulang dan stabil (Merriam & Tisdell, 2022).

Kaedah pengumpulan data utama dalam kajian ini ialah temu bual separa berstruktur. Kaedah ini membolehkan pengkaji mengekalkan fokus terhadap objektif kajian sambil memberi peluang kepada informan untuk berkongsi pandangan dan pengalaman secara terbuka. Panduan temu bual dibina berasaskan objektif kajian, iaitu meneroka cabaran pelaksanaan kaunseling Islam terhadap asnaf fakir miskin di MAINS. Sesi temu bual dijalankan secara bersemuka di pejabat MAINS dan berlangsung antara 45 hingga 75 minit bagi setiap informan. Semua sesi direkodkan menggunakan perakam audio dengan keizinan informan dan kemudiannya ditranskrip secara *verbatim* untuk tujuan analisis.

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik secara manual berpandukan pendekatan Braun dan Clarke (2021). Proses analisis dijalankan secara induktif, bermula dengan pembacaan berulang terhadap transkrip untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang kandungan data, diikuti dengan pengekodan awal, pengelompokan kod kepada tema dan subtema, semakan kesesuaian tema, serta penamaan tema akhir berdasarkan data empirikal. Sepanjang proses analisis, pengkaji turut menyediakan nota reflektif dan audit trail bagi menjamin ketelusan serta konsistensi dapatan.

Aspek kesahan dan kebolehpercayaan data ditingkatkan melalui beberapa strategi, antaranya semakan ahli (*member checking*), semakan pakar (*expert validation*), dan pemeriksaan rakan penyelidik (*peer debriefing*). Strategi-strategi ini digunakan bagi memastikan dapatan yang diperoleh benar-benar

mencerminkan pandangan sebenar informan dan bukan sekadar tafsiran subjektif pengkaji semata-mata (Nowell et al., 2017; Merriam & Tisdell, 2022).

Dari segi etika penyelidikan, kajian ini telah memperoleh kebenaran rasmi daripada pihak MAINS sebelum proses pengumpulan data dijalankan. Setiap informan menandatangani borang persetujuan bermaklumat (*informed consent*) bagi memastikan penyertaan dilakukan secara sukarela. Identiti informan dirahsiakan dengan penggunaan kod (K1–K4), dan semua data disimpan dalam fail digital yang dilindungi kata laluan. Informan turut diberikan hak untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Prosedur ini dilaksanakan selaras dengan prinsip etika penyelidikan sosial seperti yang disarankan oleh Creswell (2023).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dibincangkan berdasarkan objektif utama penyelidikan, iaitu meneroka cabaran pelaksanaan kaunseling Islam terhadap asnaf fakir miskin di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Berdasarkan hasil temu bual mendalam bersama empat orang kaunselor (K1–K4), dua tema utama dikenal pasti, iaitu Cabaran berkaitan asnaf dan Cabaran berkaitan kaunselor dalam pelaksanaan kaunseling Islam. Bahagian ini memfokuskan perbincangan terhadap tema pertama, iaitu cabaran berkaitan asnaf.

### Cabaran Berkaitan Asnaf

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor berkaitan diri asnaf turut menjadi penghalang terhadap keberkesanan pelaksanaan kaunseling Islam. Antara cabaran utama ialah rendahnya pengetahuan agama dan spiritual, komitmen kehadiran, persepsi terhadap kaunseling, serta masalah keluarga dan sosial. Oleh itu, huraian berkaitan cabaran adalah seperti berikut:

#### a) Pengetahuan dan kefahaman agama yang rendah

Kesemua informan menyatakan bahawa sebahagian besar asnaf menunjukkan tahap kefahaman agama yang rendah. PK1 menyebut, "*Asnaf ni dia memang agak rendah tahap pengetahuan dan juga pemahaman dalam amalan Islam itu... ada yang kata beranggapan bahawa Allah tu ada anak.*" Keadaan ini menyebabkan proses penyampaian nilai spiritual menjadi lebih mencabar.

Dapatan ini selari dengan kajian oleh Wahab et al. (2023) yang mendapati bahawa tahap literasi agama dalam kalangan asnaf masih rendah dan memberi kesan terhadap keberkesanan intervensi kaunseling Islam.

#### b) Komitmen kehadiran dan keterlibatan yang rendah

Kajian mendapati asnaf juga menghadapi kesukaran untuk hadir secara konsisten dalam sesi kaunseling kerana kekangan ekonomi. PK2 menyatakan, "*Klien untuk komitmen dalam kehadiran sesi agak sukar... asnaf beranggapan bila datang dia akan rugi 1 hari pencarian...*" Faktor ekonomi dan masa menjadi penghalang utama.

Kajian oleh Yusoff dan Rahim (2021) turut menegaskan bahawa kesukaran komitmen dalam kalangan asnaf berpunca daripada kebergantungan terhadap sumber bantuan dan kekangan pekerjaan tidak tetap.

#### c) Persepsi negatif terhadap kaunseling

Sebahagian asnaf masih mempunyai persepsi negatif terhadap konsep kaunseling, menganggapnya sebagai aktiviti memberi nasihat semata-mata. PK1 menyatakan, "*Stigma mereka atau persepsi mereka terhadap perkhidmatan kaunseling... sedangkan tidak, kaunseling ini bukan seperti itu.*" Persepsi ini menyukarkan hubungan terapeutik antara kaunselor dan klien.

Menurut Halim dan Noor (2022), salah tanggapan terhadap fungsi kaunseling Islam menjadi penghalang utama penerimaan intervensi rohani dalam kalangan komuniti miskin.

#### d) Masalah keluarga dan sosial asnaf

Dapatan turut menunjukkan bahawa kebanyakan asnaf berhadapan dengan isu kekeluargaan, kewangan, dan sosial yang kompleks seperti perceraian, pengabaian tanggungjawab, dan penyalahgunaan dadah. PK1 menyatakan, "*Banyakkan mereka ni yang mempunyai masalah keluarga... masalah perkahwinan... masalah sikap yang menyebabkan mereka terbelenggu dengan kemiskinan.*" Isu-isu ini menggambarkan bahawa kemiskinan bukan sekadar ekonomi tetapi turut melibatkan dimensi psikososial dan spiritual (Ibrahim et al., 2024).

Oleh yang demikian, cabaran berkaitan asnaf merupakan faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan kaunseling Islam. Antara cabaran yang dikenal pasti termasuklah tahap pengetahuan agama dan spiritual yang rendah, komitmen kehadiran yang lemah disebabkan kekangan ekonomi, persepsi negatif terhadap perkhidmatan kaunseling, serta masalah keluarga dan sosial yang kompleks. Keadaan ini menuntut kaunselor untuk lebih kreatif dan holistik dalam pendekatan mereka, bukan sahaja menumpukan kepada aspek psikologi, tetapi juga memberi penekanan kepada dimensi spiritual dan sosioemosi bagi memastikan proses kaunseling Islam benar-benar berperanan sebagai medium pembangunan diri dan kesejahteraan hidup asnaf fakir miskin

**Jadual 1: Tema dan Subtema Cabaran Berkaitan Asnaf**

Tema Utama	Subtema	Ringkasan Dapatan
Cabaran Berkaitan Asnaf	Pengetahuan dan kefahaman agama yang rendah	Asnaf memiliki tahap literasi agama dan spiritual yang lemah, menyebabkan bimbingan sukar difahami dan diamalkan.
	Komitmen kehadiran dan keterlibatan yang rendah	Kekangan ekonomi dan pekerjaan tidak tetap menghalang kehadiran konsisten dalam sesi kaunseling.
	Persepsi negatif terhadap kaunseling	Asnaf menganggap kaunseling sebagai aktiviti memberi nasihat semata-mata, bukan proses terapeutik.
	Masalah keluarga dan sosial	Isu rumah tangga, pengabaian tanggungjawab, dan penyalahgunaan dadah melemahkan proses bimbingan dan perubahan diri.

#### Cabaran Berkaitan Kaunselor

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaunselor MAINS berhadapan beberapa bentuk cabaran dalam melaksanakan sesi kaunseling Islam terhadap asnaf fakir miskin. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah kekurangan tenaga kaunselor, kekurangan ilmu pengetahuan Islamik, kesukaran menilai keberkesanan klien, bebanan emosi dan kekurangan latihan profesional.

#### a) Kekurangan tenaga kaunselor

Sebahagian besar informan menyatakan bahawa bilangan kaunselor yang bertugas di MAINS masih belum mencukupi untuk menampung jumlah asnaf yang memerlukan khidmat kaunseling. PK4 menjelaskan bahawa setiap daerah hanya mempunyai seorang kaunselor, menyebabkan masa yang ada amat terhad untuk menangani kes-kes yang banyak dan pelbagai. Kekangan ini bukan sahaja menjejaskan kecekapan pengurusan kes, malah mengurangkan keberkesanan intervensi secara

menyeluruh. Dapatan ini disokong oleh Abdul Rahman dan Nasir (2023) yang menegaskan bahawa kekurangan tenaga kaunselor merupakan faktor utama yang menghadkan keberkesanan intervensi psikospiritual dalam institusi Islam.

**b) Kekurangan ilmu pengetahuan Islamik**

Informan turut melaporkan bahawa tidak semua kaunselor memiliki latar belakang pendidikan Islam yang kukuh. PK3 menyatakan bahawa terdapat situasi di mana kaunselor berasa kurang yakin untuk menghuraikan isu klien berdasarkan perspektif Islam, terutama apabila melibatkan hujah-hujah agama yang memerlukan dalil atau nas yang tepat. Kekurangan ini menyebabkan sebahagian klien beranggapan bahawa kaunselor tidak benar-benar memahami konteks spiritual yang mereka alami. Sehubungan itu, keperluan terhadap latihan lanjutan dan pembangunan ilmu dalam bidang kaunseling Islam menjadi semakin penting. Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Mohd Khir Johari Abas et al. (2025) yang mendapati bahawa pengetahuan kaunselor terhadap prinsip dan etika kaunseling Islam masih di peringkat asas dan memerlukan peningkatan berterusan melalui program latihan dan bengkel profesional.

**c) Kesukaran menilai tahap keberkesanan klien**

Kaunselor juga menghadapi cabaran dalam menilai tahap perubahan dan keberkesanan sesi kaunseling terhadap klien asnaf. PK3 menjelaskan bahawa perubahan yang dialami oleh klien sering mengambil masa yang panjang dan sukar diukur secara objektif, terutamanya apabila melibatkan aspek spiritual dan sikap dalaman. Cabaran ini menunjukkan keperluan kepada satu kaedah penilaian yang lebih menyeluruh dan bersepadu antara dimensi rohani, emosi, dan tingkah laku. Mustafa et al. (2022) turut menegaskan bahawa pengukuran keberkesanan kaunseling Islam tidak boleh hanya berasaskan perubahan luaran, tetapi perlu menilai transformasi rohani dan tahap keinsafan klien.

**d) Bebanan emosi**

Beberapa kaunselor turut mengakui bahawa mereka mengalami tekanan emosi akibat mengendalikan klien yang berdepan pelbagai isu sosial dan spiritual yang berat. PK3 menyatakan bahawa dalam proses memahami situasi asnaf, kaunselor perlu menyesuaikan diri dengan latar sosial mereka bagi membina empati dan kepercayaan. Namun, proses ini memberi kesan kepada kesejahteraan emosi kaunselor sendiri dan boleh membawa kepada keletihan atau *burnout* sekiranya tidak diurus dengan baik. Dapatan ini disokong oleh Husin et al. (2021) yang mendapati bahawa tekanan emosi dalam kalangan kaunselor Islam boleh membawa kepada sindrom keletihan rohani (*spiritual fatigue*), khususnya apabila berhadapan dengan kes berulang tanpa sokongan emosi mencukupi.

**e) Kekurangan latihan lanjutan**

Dapatan turut menunjukkan bahawa kaunselor memerlukan latihan lanjutan yang lebih berfokus kepada pendekatan psycho-spiritual Islam. PK3 menyatakan bahawa latihan khusus yang berkaitan dengan aspek spiritual dan pengintegrasian nilai Islam dalam sesi kaunseling masih kurang dilaksanakan. Latihan berterusan amat penting bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran kaunselor dalam mengaplikasikan prinsip Islam secara efektif dalam konteks terapi. Zainuddin et al. (2024) turut menegaskan bahawa latihan profesional berasaskan kaunseling Islam bukan sahaja memperkukuh kompetensi kaunselor, tetapi juga meningkatkan keupayaan mereka dalam mengurus keseimbangan rohani dan emosi semasa berinteraksi dengan klien.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh kaunselor dan asnaf saling berkait dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Tahap pengetahuan agama dan kesedaran spiritual yang rendah dalam kalangan asnaf, misalnya, menuntut kaunselor untuk memiliki kefahaman Islam yang lebih mendalam bagi menyesuaikan pendekatan bimbingan. Namun pada masa yang sama, kekurangan tenaga dan latihan dalam kalangan kaunselor menyebabkan usaha tersebut tidak dapat dijalankan secara optimum. Situasi ini menunjukkan bahawa keberkesanan kaunseling Islam bergantung kepada keseimbangan dua dimensi utama, iaitu kompetensi kaunselor dan kesiapsiagaan spiritual klien. Oleh itu, program pembangunan profesional kaunselor serta pendidikan

rohani berasaskan realiti sosial asnaf perlu dilaksanakan secara sinergi agar kaunseling Islam benar-benar mampu berperanan sebagai instrumen pembangunan insan dalam sistem zakat negeri.

## **PERBINCANGAN IMPLIKASI**

Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan beberapa implikasi penting terhadap amalan kaunseling Islam, pembangunan asnaf fakir miskin serta peranan institusi zakat dalam memperkasa khidmat kaunseling di bawah seliaan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

### **Implikasi terhadap Amalan Kaunseling Islam**

Kajian mendapati bahawa kekurangan tenaga kaunselor, keterbatasan pengetahuan Islamik, kekangan latihan, serta bebanan emosi merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh kaunselor MAINS. Implikasi daripada dapatan ini menunjukkan bahawa keberkesanan pelaksanaan kaunseling Islam sangat bergantung kepada tahap kompetensi kaunselor dalam mengintegrasikan prinsip-prinsip Islam seperti tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa), takhalli (pengosongan diri daripada sifat mazmumah), dan tahalli (pengisian diri dengan sifat mahmudah) dalam proses bimbingan (Hamjah, 2012; JAKIM, 2021). Oleh itu, program latihan berterusan yang menekankan aspek spiritual dan psikospiritual perlu diberi keutamaan dalam pembangunan profesional kaunselor Islam. Latihan ini bukan sahaja harus memberi tumpuan kepada kemahiran teknikal, tetapi juga kepada aspek kejiwaan dan penghayatan nilai Islam. Selain itu, peranan kaunselor wajar diperluas daripada sekadar pembimbing profesional kepada murabbi rohani yang mampu menuntun klien ke arah perubahan akhlak, emosi dan spiritual yang berterusan.

### **Implikasi terhadap Pembangunan Asnaf dan Organisasi Zakat**

Dapatan kajian turut menunjukkan implikasi yang signifikan terhadap keberkesanan pembangunan asnaf, khususnya dalam pembentukan sahsiah, peningkatan spiritual, dan kesejahteraan psikososial. Kekangan masa, kekurangan tenaga kaunselor serta kesukaran menilai perubahan klien menunjukkan bahawa pelaksanaan kaunseling Islam perlu disokong oleh sistem pemantauan yang lebih menyeluruh dan berstruktur. Selain itu, organisasi zakat seperti MAINS disaran menambah baik mekanisme pemantauan klien melalui integrasi data kaunseling dengan sistem kebajikan asnaf sedia ada. Langkah ini dapat membantu dalam menilai perkembangan klien secara berterusan selepas sesi kaunseling serta memastikan kesinambungan antara bantuan material dan bimbingan rohani. Pendekatan holistik ini selaras dengan matlamat al-tamkīn (pemberdayaan), iaitu memastikan asnaf bukan sahaja keluar daripada kemiskinan material tetapi turut berkembang dari aspek spiritual dan sosial (Abdullah & Hamjah, 2018).

Oleh itu, kolaborasi antara Unit Kaunseling, Unit Agihan Zakat dan Unit Pembangunan Asnaf perlu diperkukuh melalui penyelarasan strategi intervensi serta perkongsian data klien yang sistematik. Hal ini penting untuk memastikan kesinambungan program pembangunan insan yang seimbang antara dimensi jasmani, emosi dan rohani.

### **Implikasi terhadap Dasar dan Polisi Zakat Negeri**

Selain implikasi terhadap amalan dan organisasi, dapatan kajian ini turut memberi kesan kepada aspek dasar dan polisi pengurusan zakat negeri. Keperluan kepada latihan lanjutan, pengukuhan modul kaunseling Islam dan sokongan psikospiritual kepada kaunselor wajar dijadikan asas dalam penggubalan dasar pembangunan modal insan di institusi zakat negeri.

Justeru, MAINS dan Majlis Agama Islam negeri lain disaran untuk merumus dasar latihan berasaskan model Kaunseling Islam yang menggabungkan dimensi *spiritual well-being* dengan *psychological resilience* dalam kalangan kaunselor dan asnaf. Dasar ini boleh digerakkan melalui pelaksanaan program latihan tahunan, penganjuran bengkel kaunseling Islam berimpak tinggi, serta penyediaan garis panduan standard (*Standard Operating Procedures, SOP*) bagi pelaksanaan sesi kaunseling asnaf.

Selain itu, penambahbaikan dasar juga perlu menumpukan kepada aspek sokongan kesejahteraan kaunselor (*kaunselor well-being*), termasuk penyediaan ruang sokongan psikologi dalaman dan sistem *supervision* bagi menangani isu keletihan kerja dan tekanan emosi. Pendekatan dasar sedemikian bukan sahaja meningkatkan kualiti intervensi kaunseling Islam, malah memastikan kesinambungan fungsi institusi zakat sebagai pemangkin kesejahteraan ummah secara menyeluruh. Oleh itu, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa kejayaan pelaksanaan kaunseling Islam terhadap asnaf fakir miskin bergantung pada keupayaan institusi zakat untuk memperkukuh sistem sokongan profesional kaunselor, membangunkan mekanisme pemantauan bersepadu, dan menggubal dasar latihan yang berpaksikan nilai Islam. Implikasi ini memberikan ruang strategik kepada MAINS untuk menilai semula struktur pengurusan kaunseling asnaf ke arah model yang lebih sistematik, spiritual dan berkesan dalam jangka panjang.

### **Cadangan Dan Penambahbaikan**

Berdasarkan implikasi tersebut, beberapa cadangan penambahbaikan dikemukakan. Pertama, memperbanyakkan latihan profesional berteraskan pendekatan kaunseling Islam kepada semua kaunselor MAINS agar kompetensi mereka dapat ditingkatkan secara menyeluruh. Kedua, organisasi perlu menambah bilangan kaunselor berkelayakan bagi memastikan beban tugas diagihkan dengan seimbang dan klien dapat diberikan perhatian menyeluruh. Ketiga, wujud keperluan untuk membangunkan model penilaian keberkesanan kaunseling Islam berasaskan elemen spiritual bagi menilai perubahan klien asnaf secara lebih holistik.

Selain itu, kajian lanjutan juga amat digalakkan untuk memperluas kefahaman terhadap keberkesanan kaunseling Islam dalam konteks pembangunan asnaf. Kajian akan datang boleh melibatkan pandangan klien asnaf sebagai peserta utama bagi menilai kesan sebenar sesi kaunseling terhadap perubahan diri mereka. Selain itu, penyelidikan lanjutan juga boleh memberi tumpuan kepada pembangunan dan pengujian modul kaunseling Islam khusus untuk asnaf, yang menekankan elemen *tazkiyah al-nafs*, motivasi spiritual dan kesejahteraan psikologi. Modul ini bukan sahaja dapat dijadikan bahan latihan kepada kaunselor MAINS, tetapi juga boleh diperluas penggunaannya ke institusi zakat negeri lain. Cadangan ini diharapkan dapat memperkukuh

### **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu meneroka cabaran pelaksanaan kaunseling Islam terhadap asnaf fakir miskin oleh kaunselor Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Hasil dapatan menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh kaunselor bukan sahaja melibatkan kekangan sumber manusia dan latihan profesional, tetapi turut merangkumi cabaran dalaman seperti tekanan emosi, kesukaran menilai perubahan spiritual klien, serta keterbatasan pengetahuan Islamik dalam kalangan kaunselor sendiri.

Dapatan ini memperkukuh kefahaman bahawa pelaksanaan kaunseling Islam memerlukan keseimbangan antara keilmuan psikologi dan penguasaan ilmu agama yang mendalam. Keberkesanan bimbingan terhadap golongan asnaf sangat bergantung kepada sejauh mana kaunselor mampu mengintegrasikan dimensi rohani dan psikologi secara bersepadu dalam proses intervensi. Oleh itu, kaunseling Islam bukan hanya berperanan menyelesaikan permasalahan individu, tetapi juga bertindak sebagai instrumen pembangunan spiritual dan sosial berasaskan prinsip *tazkiyah al-nafs* serta konsep *al-tamkīn* (pemberdayaan).

Kajian ini turut memberikan sumbangan ilmiah yang signifikan kepada bidang kaunseling Islam, khususnya dalam memperkayakan pemahaman tentang realiti pelaksanaan kaunseling dalam konteks asnaf fakir miskin di institusi zakat negeri. Penemuan ini boleh dijadikan asas kepada pembentukan model latihan kaunselor Islam yang lebih kontekstual, serta memperkukuh literatur tempatan mengenai integrasi antara psikologi dan spiritual dalam amalan kaunseling.

Bagi kajian masa hadapan, disarankan agar penyelidikan diperluas dengan melibatkan perspektif klien asnaf sendiri bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh terhadap kesan

sebenarnya kaunseling Islam terhadap perubahan sahsiah dan kesejahteraan mereka. Kajian lanjutan juga boleh memberi fokus kepada pembangunan model kaunseling Islam berasaskan konteks tempatan yang berorientasikan pemberdayaan spiritual dan sosial asnaf secara berterusan.

Kesimpulan, hasil kajian ini menegaskan keperluan untuk memperkukuh dasar dan struktur pelaksanaan kaunseling Islam dalam sistem pengurusan zakat negeri. Justeru, pihak MAINS dan institusi zakat di seluruh Malaysia diseru agar memperkenalkan dasar latihan kaunselor Islam yang menyeluruh, bersepadu dan berteraskan nilai-nilai wahyu bagi memastikan perkhidmatan kaunseling Islam benar-benar berperanan sebagai tonggak pembangunan insan dan kesejahteraan ummah.

## RUJUKAN

- Abas, M. K. J., Saper, M. N., & Mohd Daud, N. A. (2020). Exploring school counsellors' knowledge of Islamic counselling. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(1), 55–70.
- Abdul Rahman, M. F., & Nasir, H. (2023). Cabaran pelaksanaan kaunseling Islam dalam institusi zakat di Malaysia. *Jurnal Psikologi Islam dan Pembangunan Insan*, 10(2), 55–67.
- Abdullah, N., & Hamjah, S. H. (2018). Model kaunseling Islam dalam pembangunan asnaf fakir miskin di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 10(1), 45–60.
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Kutub.
- Aziz, N., & Hamjah, S. H. (2019). Masalah keluarga dalam kalangan asnaf dan implikasinya terhadap kesejahteraan sosial. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(2), 45–58.
- Azizah, M. (2020). Keberkesanan pendekatan kaunseling Islam dalam pembangunan sahsiah. *Jurnal Kaunseling Malaysia*, 24(1), 101–118.
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Creswell, J. W. (2023). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Halim, N., & Noor, S. M. (2022). Persepsi masyarakat terhadap kaunseling Islam di Malaysia. *Malaysian Journal of Islamic Psychology*, 8(1), 20–35.
- Hamjah, S. H. (2010). Pendekatan kaunseling Islam dalam penyelesaian masalah klien. *Jurnal Usuluddin*, 31, 121–144.
- Hamjah, S. H. (2012). *Pendekatan kaunseling Islam menurut Imam al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Husin, A. R., Salleh, F., & Ismail, R. (2021). Tekanan emosi dan burnout dalam kalangan kaunselor Islam. *Jurnal Kaunseling Kontemporari*, 9(2), 44–58.
- Ibrahim, M. (2018). Literasi agama dan penghayatan Islam dalam kalangan fakir miskin. *Jurnal Pembangunan Ummah*, 15(2), 77–94.
- Ibrahim, S., Ahmad, N., & Aziz, M. (2024). Isu psikososial dan keagamaan dalam kalangan asnaf di Selangor. *Journal of Islamic Social Development*, 12(1), 1–14.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2021). *Manual Kaunseling Syara' i*. Putrajaya: JAKIM.
- Karim, H. H., Zulkepli, M. I. S., & Abd Hamid, N. B. (2024). The challenges in the implementation of Islamic counseling in Malaysia: A conceptual paper. *GA Excellence International Journal of Education and Social Sciences*, 4(2), 45–58.
- Lembaga Zakat Selangor. (2023). *Laporan agihan zakat 2023*. Dicapai pada 28 Oktober 2025 daripada <https://www.zakatselangor.com.my>
- Md Yusof, R., Rahman, A., & Mohd Noor, S. (2019). Faktor kemiskinan berterusan dalam kalangan asnaf di Malaysia: Satu kajian analisis sosial. *Jurnal Pembangunan Sosial Islam*, 14(2), 55–70.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2022). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (5th ed.). Jossey-Bass.
- Mustafa, M. R., Zain, R., & Hashim, H. (2022). Burnout dan kesejahteraan spiritual dalam profesion kaunselor. *Jurnal Pembangunan Manusia*, 6(1), 11–25.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic analysis: Striving to meet the trustworthiness criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1), 1–13.

- Othman, N. (2019). Islamic counselling: An integrated approach in promoting psychological well-being. *Jurnal Psikologi Islam*, 7(1), 23–39.\* <https://eprints.utm.my/89607/>
- Rahman, A. (2021). Isu kefahaman akidah dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 22(1), 65–84.
- Rahman, N. A. (2023). Kesan emosi terhadap penerimaan bantuan dan hubungannya dengan kesejahteraan hidup dalam kalangan asnaf. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Islam*, 11(1), 45–62.
- Roslan, M., & Ismail, N. (2021). Burnout dalam kalangan kaunselor: Satu tinjauan. *Jurnal Psikologi Islam*, 6(1), 89–104.
- Salleh, N., & Abdullah, R. (2020). Kompetensi kaunselor dalam mengaplikasikan pendekatan Islam. *Jurnal Kaunseling Kontemporari*, 11(2), 33–47.
- Salasiah Hanin Hamjah, S. H., Ismail, Z., & Noor Shakirah Mat Akhir, N. (2012). Kaedah penerapan ibadah dalam kaunseling. *Sains Humanika*, 59(1), 65–72.
- Shertzer, B., & Stone, S. C. (2020). *Fundamentals of counseling*. Boston: Houghton Mifflin.
- Wahid, H., Ahmad, S., & Nor, M. A. M. (2004). Pengagihan zakat oleh institusi zakat: Mengapa masyarakat Islam masih miskin? *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 38, 35–52.
- Wahab, A. S., Omar, N., & Jamil, R. (2023). Tahap literasi agama dalam kalangan asnaf: Satu tinjauan. *Jurnal Dakwah dan Kaunseling Islam*, 15(2), 77–92.
- Yaacob, M. (2017). Persepsi masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling. *Jurnal Sains Sosial Islam*, 8(2), 23–39.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). SAGE Publications.
- Yusoff, Z., & Rahim, N. (2021). Komitmen asnaf dalam program pemerikasaan ekonomi dan spiritual. *Malaysian Journal of Community Development*, 9(2), 64–79.
- Zainuddin, N., Hamzah, H., & Abdullah, S. (2024). Latihan dan pembangunan kompetensi kaunselor Islam di Malaysia. *Journal of Islamic Education and Counseling*, 4(1), 40–52.
- Zakaria, N. (2018). Penilaian keberkesanan kaunseling berasaskan Islam. *Jurnal Kaunseling & Psikoterapi Islam*, 4(1), 55–73.